

Pernyataan Sodexo mengenai hak asasi manusia di tempat kerja

September 2021 - Etika Kumpulan

Semenjak pengasasan Sodexo pada 1955, pekerja telah menjadi teras model perniagaan kami, dan memenuhi harapan mereka adalah satu keutamaan kami. Rasa hormat terhadap hak asasi manusia adalah penting dalam misi Sodexo untuk meningkatkan Kualiti Hidup pekerja kami dan semua yang kami layani dan bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan persekitaran masyarakat, wilayah dan negara di mana kami beroperasi. Oleh itu, menghormati hak asasi manusia adalah tonggak kepada komitmen Tingkah Laku Perniagaan Bertanggungjawab kami.

Sebagai majikan global, Sodexo menghadapi pelbagai konteks tempatan berkenaan hak asasi manusia, dan Kumpulan tidak semestinya sentiasa berhadapan situasi dalam kawalan.

Sodexo membuat komitmen berikut berkenaan hak asasi manusia:

- Sodexo menghormati hak asasi manusia di mana sahaja kami menjalankan perniagaan.
- Sodexo berusaha melakukan perniagaan dengan cara yang tidak akan melanggar hak asasi manusia orang lain, dan kami akan menangani kesan buruk ke atas hak asasi manusia yang berpunca daripada aktiviti perniagaan kami.
- Melalui usaha wajar hak asasi manusia, Sodexo akan berusaha untuk mengenalpasti, mengelak dan mengurangkan kesan buruk ke atas hak asasi manusia yang mungkin merupakan penyebab atau penyumbang atau di mana kami mungkin dikaitkan secara langsung melalui hubungan perniagaan kami.

Komitmen ini dimaklumkan melalui prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa. Prinsip-prinsip ini diperjelaskan dalam Prinsip-prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, Deklarasi Organisasi Buruh Antarabangsa Mengenai Prinsip Dan Hak Asasi Di Tempat Kerja, dan Pertubuhan Global Bangsa-Bangsa Bersatu, yang mana kami telah menandatangani sejak tahun 2003.

Selain itu, pada tahun 2011, Sodexo menandatangani rangka kerja perjanjian antarabangsa dengan IUF untuk menjamin komitmen kami untuk menghormati Hak Asasi Manusia di Tempat Kerja. Lampiran mengenai gangguan seksual telah dilampirkan pada perjanjian ini pada tahun 2017. Baru-baru ini, pada tahun 2021, Sodexo dan IUF menandatangani deklarasi niat untuk mengukuhkan lagi komitmen dan keutamaan bersama kami mengenai kesihatan dan keselamatan dalam persekitaran tempat kerja.

Tempat kerja kami

Sodexo adalah satu majikan terbesar di dunia. Komitmen ini terpakai kepada setiap pekerja kami di seluruh dunia. Semua pemimpin, eksekutif dan pengurus bertanggungjawab untuk mengetahui, mematuhi dan menyampaikan komitmen kami terhadap hak asasi manusia dan mengamalkannya dalam operasi, polisi dan amalan mereka.

Sodexo mengharapkan pasukan kami mengamalkan standard minima berikut untuk pekerja-pekerja kami yang bekerja di seluruh dunia:

Tempat kerja yang selamat, sihat dan terjamin

Sodexo menerapkan budaya kesihatan dan keselamatan global dan berusaha memberikan prestasi kesihatan dan keselamatan bertaraf dunia. Sodexo akan menyediakan tempat kerja dan keadaan kerja yang selamat dan sihat, yang sekurang-kurangnya mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan akan tertakluk kepada program kesihatan dan keselamatan tempat kerja Sodexo. Apabila Sodexo menyediakan tempat penginapan untuk pekerja yang bekerja di tapak-tapak, kami mesti mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menjamin keselamatan dan keselamatan fizikal pekerja dan memenuhi keperluan asas pekerja termasuk air paip dan boleh diminum, kemudahan sanitasi mencukupi, sedikit ruang peribadi dan privasi, lokar untuk setiap pekerja yang bekerja di tapak, menghormati semua peraturan bangunan kolektif yang berkenaan; dan kemudahan-kemudahan yang bersih dan selamat. Perkhidmatan-perkhidmatan diberikan kepada pekerja-pekerja yang menetap di tapak kerja, seperti dobi, barangan runcit, dan lain-lain., akan dijual pada harga yang berpatutan, tanpa membuat keuntungan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Tempat kerja yang pelbagai dan inklusif

Sodexo komited mengambil pekerja berdasarkan kriteria kelayakan, kecekapan dan pengalaman dan lain-lain kriteria berkaitan kerja. Kriteria ini juga tertakluk kepada semua situasi di tempat kerja, contoh., pengambilan pekerja, bekerjasama dengan klien, pemilihan untuk tugasan projek atau kenaikan pangkat, atau penamatan kerja dan lebih lagi.

Sodexo menentang diskriminasi dan merupakan majikan yang inklusif. Kami mahukan tenaga kerja kami yang pelbagai berasa selesa dan bekerjasama di tempat kerja. Sodexo berusaha memberikan pengalaman kehidupan kerja yang terbaik kepada semua pekerja tanpa mengira jantina, orientasi seksual, umur, etnik, kewarganegaraan, warna kulit, agama, status perkahwinan, kehamilan, maklumat genetik, kecacatan, dan sebarang sifat-sifat lain dilindungi oleh undang-undang.

Tempat kerja yang dihormati

Sodexo mengharapkan semua pekerja saling memperlakukan dengan penuh kesopanan dan rasa hormat. Ini termasuk memastikan keselamatan dan prosedur lain menunjukkan kehormatan ke atas maruah dan privasi peribadi. Sodexo melarang keganasan di tempat kerja dan sebarang gangguan, penderaan, ugutan, dan pembulian dari segi perkataan, emosi, psikologi, seksual, fizikal dan lain-lain. Sesiapa yang melakukan tindakan berkenaan akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk penamatan pekerjaan serta-merta.

Tiada buruh paksa dan pemerdagangan manusia

Sodexo percaya dalam penghapusan semua bentuk buruh paksaan dan tidak mempunyai toleransi terhadap perhambaan atau pemerdagangan manusia dalam mana-mana bahagian perniagaan kami. Oleh itu, ia memastikan yang semua orang bebas daripada buruh paksa, ugutan, ancaman serius atau sekatan fizikal dan seks komersial; memastikan yang semua orang bebas untuk meletak jawatan pada bila-bila masa daripada sebarang jenis pekerjaan; setia dan menepati janji mengenai keadaan tempat kerja. Selain itu, Sodexo melarang yuran pengambilan kerja - tiada siapa patut membayar untuk bekerja dengan kami - dan membayar semua kos berkenaan proses pengambilan pekerja.

Tiada buruh kanak-kanak

Sodexo komited menggaji individu yang sekurang-kurangnya berumur 15 tahun, melainkan dalam kes perantisan atau latihan amali sebagai sebahagian daripada program latihan profesional. Di negara-negara di mana umur sah adalah atas 15 tahun, Sodexo akan menghormati undang-undang tempatan. Had umur jelas untuk tugas-tugas berbahaya ditetapkan melalui polisi syarikat, dan sebarang pengambilan pekerja-pekerja muda tertakluk kepada sebarang had undang-undang berkenaan masa bekerja, gaji, keadaan bekerja dan pendidikan minima.

Kebebasan berpersatuan dan rundingan kolektif

Sodexo komited dalam menghormati hak pekerja untuk menyertai kesatuan pilihan mereka atau tidak, dan untuk berunding secara kolektif bebas daripada sebarang bentuk hukuman balas atau diskriminasi. Kami akan berunding secara baik dengan wakil pekerja yang sah dari segi undang-undang. Kami akan mematuhi undang-undang negara di mana kami melakukan perniagaan dan bekerja di dalam rangka kerja undang-undang bagi setiap negara untuk memastikan penghormatan kebebasan berpersatuan dan rundingan kolektif. Di negara-negara di mana hak berpersatuan dan rundingan kolektif dihadkan di bawah undang-undang tempatan, kami akan memudahkan pembangunan kaedah-kaedah perwakilan pekerja (contoh. perjumpaan, masa minum, kaji selidik penglibatan).

Gaji, faedah dan masa bekerja mengikut undang-undang

Sodexo mengharapkan semua pekerjanya akan dibayar upah dan diberi faedah yang mengikut undang-undang pada masa yang tepat mengikut jadual bagi semua masa mereka bekerja. Pasukan kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan masa kerja bagi pekerja, termasuk batasan jam maksima, dan keperluan waktu rehat. Kerja lebih masa mungkin diperlukan hanya jika dibenarkan mengikut undang-undang berdasarkan sifat kerja tersebut.

Perhatian khas untuk pekerja migran

Sodexo mengenalpasti keadaan-keadaan khas untuk mereka yang datang dari jauh untuk bekerja dengan kami, sesetengahnya dari negara lain. Sodexo akan mengambil langkah memastikan pekerja-pekerja migran ini tidak mengalami penyalahgunaan atau dilarang akses kepada hak sebagai akibat migrasi mereka.

Hubungan perniagaan kami

Sodexo akan memaklumkan polisi ini kepada klien-klien dan pembekal-pembekal kami. Kami mengharapkan rakan-rakan perniagaan kami menyokong polisi ini dan prinsip asasnya. Kami mungkin terlibat dengan rakan perniagaan kami untuk mengatasi sebarang kesan buruk ke atas hak asasi manusia sama ada sebenar atau berpotensi

Komuniti kami

Sodexo menjalankan perniagaan di seluruh dunia. Sodexo ingin menyumbang kepada pembangunan setiap komuniti di mana kami beroperasi dan menjadi warga yang bertanggungjawab di komuniti-komuniti tersebut. Pekerja, klien, pelanggan dan pembekal kami hidup dan berniaga di komuniti-komuniti ini. Kami akan melibatkan pihak berkepentingan dalam komuniti di mana kami

menjalankan perniagaan dan berusaha untuk membangunkan penyelesaian terhadap kebimbangan mengenai kesan hak asasi manusia yang buruk yang mungkin disebabkan oleh aktiviti perniagaan kami.

Melaporkan kebimbangan

Kami mengalu-alukan pihak berkepentingan kami melaporkan kebimbangan tentang amalan perniagaan kami dan kesannya ke atas hak asasi manusia. Saluran-saluran berkesan untuk melaporkan kebimbangan, bebas daripada ancaman sebarang tindakan balas, adalah sangat penting bagi pekerja-pekerja kami. Begitu juga bagi klien dan pembekal dan pekerja mereka, ahli komuniti di mana kami beroperasi dan pihak berkepentingan lain yang mungkin terkesan akibat perniagaan kami juga perlu diberikan saluran untuk memaklumkan kesan buruk kepada pihak kami.

Sodexo menyediakan mekanisme berkesan di mana sahaja kami melakukan perniagaan untuk pekerja dan pihak berkepentingan kami memaklumkan tentang pelanggaran hak asasi manusia atau sebarang kesan buruk hak kemanusiaan berkenaan perniagaan kami. Saluran Speak Up Ethics kami (www.speakup.sodexo.com) membenarkan sesiapa sahaja melaporkan aktiviti-aktiviti atau tingkah laku yang melanggar Kod Tingkah Laku atau amalan melanggar undang-undang, termasuk pelanggaran hak asasi manusia, secara sulit.

Pekerja-pekerja juga boleh melaporkan kebimbangan ini melalui wakil kolektif yang sah. Semua laporan patut dibuat secara baik. Sebarang laporan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia, atau kesan-kesan buruk hak asasi manusia perlu dikaji secara teliti dalam Kumpulan, dalam rangka masa antara tiga ke enam bulan, dan ditangani segera dan sewajarnya. Individu-individu yang membuat laporan tersebut secara baik tidak akan mengalami tindakan balas, ugutan, gangguan dan identiti mereka akan dirahsiakan sejauh mungkin dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang.

Apabila laporan telah dibuktikan (contoh., penderaan perniagaan telah berlaku), tindakan-tindakan bersesuaian (contoh., sekatan, tindakan pembetulan) akan diambil jika perlu, tanpa mengira individu berkenaan, menurut undang-undang dan Polisi dan Langkah-langkah Tata Tertib kami.

Kewajiban dan ketelusan

Selain menangani keribimbangan dilaporkan melalui mekanisme kilan individu dan kolektif, Sodexo akan berusaha secara proaktif untuk menilai kesan-kesan potensi hak asasi manusia berkaitan perniagaan kami dan untuk mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk menangani risiko dan kesan yang kami kenal pasti. Proses penilaian risiko, mitigasi dan pemulihan (termasuk respons kami ke atas kilan yang dilaporkan) akan tertakluk kepada kajian semula secara berkala untuk meningkatkan keberkesannya dan memastikan ia tidak lapuk.

Sodexo telah membangunkan Asasi-asasi Manusia untuk memastikan standard minima yang dipatuhi semua pekerja.

Setiap 'asasi' dikaitkan kepada kawalan dan pelan ujian untuk menilai dan mengurangkan risiko ini. Kawalan disertakan dalam proses kawalan dalaman kami.

- Tempat kerja yang selamat, sihat dan terjamin
- Hubungan tempat kerja yang dihormati; tiada ugutan, gangguan, diskriminasi atau keganasan
- Perkakas dan peralatan latihan untuk prestasi kerja yang cekap dan selamat
- Pengurusan jelas: penerangan dan objektif kerja
- Hormat ke atas hak asasi manusia di tempat kerja
- Bayaran penuh: tepat pada masanya setiap masa

- Jadual yang adil: dalam maksima mengikut undang-undang dengan hari cuti dan masa rehat yang sepatutnya
- Privasi dan jaminan data untuk maklumat peribadi
- Tempat penginapan yang sesuai dan bermaruah (jika disediakan)
- Suara: mekanisme kilanan yang berkesan, bebas daripada tindakan balas untuk melaporkan sebarang pelanggaran

Pautan kepada polisi dan amalan lain

Sebagai elemen penting komitmen Sodexo yang lebih luas berkenaan Amalan Perniagaan Yang Bertanggungjawab, Kenyataan Penghormatan Hak Asasi Manusia ini memaklumkan dan disokong oleh polisi, pernyataan dan perjanjian Sodexo yang berikut:

- Kod Etika Sodexo: Panduan Integriti Perniagaan
- Panduan Hak Asasi Manusia Di Tempat Kerja Sodexo
- Perjanjian Rangka Kerja Antarabangsa dengan International Union of Food and Allied Workers (IUF)
- Komitmen Bersama Sodexo-IUF berkenaan Mengelakkan Gangguan Seksual
- Pengisytiharan niat untuk mengukuhkan komitmen dan keutamaan berkenaan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja Sodexo-IUF
- Garis Panduan Global Kepelbagaian & Inklusif Sodexo
- Kod Etika Pembekal Sodexo
- Polisi-polisi Sumber Manusia Sodexo
- Saluran Speak Up Ethics: www.speakup.sodexo.com